

Lapan keluarga terputus hubungan

Jalan utama di Kampung Tepi Kolam mendap sekali lagi akibat tanah runtuh

■ KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

KERIAN - Lapan keluarga terputus hubungan selepas jalan utama di Kampung Tepi Kolam, Bukit Merah, Gunung Semanggol di sini mendap akibat tanah runtuh lewat petang kelmarin.

Kejadian kedua dalam tempoh dua tahun di lokasi sama itu menyebabkan kira-kira 30 penduduk terputus bekalan air.

Ketua Kampung Bukit Merah, Muhammad Noor Hassan berkata, kejadian itu disedari penduduk pada kira-kira jam 6 pagi.

"Penduduk terlibat kini sukar untuk melakukan sebarang urusan kerana tidak dapat melalui jalan tersebut," katanya kepada pemberita ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.



Jalan utama di Kampung Tepi Kolam mendap akibat tanah runtuh, menyebabkan lapan keluarga terputus hubungan sejak kelmarin.

Turut serta, Ketua Umno Bahagian Bagan Serai, Datuk Sham Mat Sahat dan Pegawai Daerah Kerian, Datuk Hamzah Hussin.

Muhammad Noor berkata, penduduk kampung kini terpaksa bergadai nyawa dengan berjalan kaki menyusuri tebing bukit yang runtuh un-

tuk keluar masuk ke kampung yang terjejas.

"Ketika ini tiada laluan lain yang dapat digunakan penduduk selain menyusuri

tebing yang runtuh dengan hanya berjalan kaki.

"Bagi memudahkan penduduk menjalani rutin harian, kenderaan ringan seperti motosikal dan basikal yang terkandas terpaksa diusung keluar secara bergotong-royong.

"Selain itu, ada beberapa penduduk guna alternatif lain seperti sampan untuk urusan harian mereka," katanya.

Beliau berkata, kejadian sama pernah berlaku namun insiden kelmarin adalah yang terburuk.

"Jalan kampung yang mendap ketika itu telah dibaiki, namun penduduk tidak sangka kejadian sama berulang malah lebih teruk," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pegawai Daerah Pembangunan Luar Bandar, Mohd Azhar Alias berkata,

pihaknya akan mendapatkan sudut pandangan teknikal daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebelum jalan yang mendap dibaik pulih.

Katanya, pihaknya akan segera mendapatkan peruntukan dan kerja-kerja baik pulih akan segera dilakukan.

"Runtuhan sepanjang lebih 10 meter itu dijangka melibatkan kos lebih RM200,000 dan saya tidak menolak kemungkinan runtuhan disebabkan hujan," katanya.

Tinjauan *Sinar Harian* ke lokasi kejadian semalam mendapati kakitangan Lembaga Air Perak (LAP) sedang giat melakukan penyambungan paip yang terputus sementara bagi membolehkan penduduk yang terkandas mendapat bekalan air bersih secukupnya.